

MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Supplement	Color	Black/white
Page No	V10	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,105	PR Value	RM 6,314



#### KARYA VARSITI

##### AMARAH ALAM

Musibah datang  
angkara taufan  
Oklahoma tidak  
upaya buka mata  
adakah ini bencana alam  
atau bumi berikan  
amaran  
dunia hampir  
pengakhiran  
kerana manusia

tidak mengenang  
terhadap bakti  
diberikan alam  
lalu diratah semua  
kediaman  
terbunuh manusia  
puluhan.

Moga Oklahoma  
satu pengajaran  
buat semua generasi  
mendatang

walau berada di  
negara tenang  
kerana musibah alam  
bila masa datang  
melanda manusia  
tidak bersyukur  
terhadap anugerah  
alam ciptaan Tuhan.

**Nukilan:**  
Kamarulzaman Ismail,  
Universiti Utara Malaysia

Headline	KARYA VARSITI		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Supplement	Color	Black/white
Page No	V10	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,105	PR Value	RM 6,314

**KUASA**

Ibarat pedang yang melibas pada tangan yang menghayun tujukan ke arah benar tidak tercantas yang elok tidak tertikam yang lemah pergunakan untuk mempertahankan bangsa, agama dan negara.

Ibarat pena yang mencanting pada sebidang kanvas kosong mencorak hala tuju pemerintahan serentetan perjalanan negara bermula dengan langkah pertama memperjenihkan minda rakyat

mempertajamkan akal bangsa memartabatkan kerukunan sebuah negara demokrasi.

**Nukilan:**

*Mohd Helmi Ahmad  
Batang Kali, Selangor*